

Aura keterbukaan Pak Lah tambat hati pemimpin dunia

BH - 28/7/2004: 11 Perdana

Oleh Hishamuddin Aun

SABTU ini, genaplah lapan bulan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memimpin negara sebagai Perdana Menteri kelima – satu jangka masa yang harus dirasakannya begitu pantas berlalu dibandingkan beban kerja yang perlu diselesaikannya.

Pernah dalam satu temu bual menjelang tempoh 100 harinya memegang jawatan pada 8 Februari lalu, Pak Lah merungut kesuntukan masa seolah-olah tidak cukup jumlah jam dalam sehari sedangkan terlalu banyak yang diharapkannya dapat disudahkan.

Begitu juga hanya kurang sedikit daripada lapan bulan lalu, barangkali ramai yang kurang meyakini beliau akan memberi tumpuan kepada hubungan antarabangsa atau isu global dibandingkan dengan bekas ketuanya, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang rata-rata dianggap sebagai 'suara' dunia ketiga.

Ramai ketika itu menganggap Pak Lah, sesuai dengan perwatakannya yang lebih banyak berdiplomasi daripada berkonfrontasi, akan terheret untuk menangani pelbagai isu domestik hingga perisytiharannya untuk memperbaiki sistem penyampaian awam dan memerangi rasuah seakan-akan mengesahkan tanggapan sedemikian.

Malah, apa juga perbandingan yang dibuat dengan Perdana Menteri keempat, tidak pernah berlaku adil kepadanya. Dalam pada perbandingan dibiarkan berterusan pun, mereka terlupa bahawa Pak Lah adalah antara yang paling lama memegang jawatan Menteri Luar.

"Pak Lah amat jelas terhadap apa yang perlu dilakukannya bahawa beliau tidak akan cuba meniru gaya Dr Mahathir. Saya percaya setakat ini beliau sudah menunjukkan bahawa di antara kedua-duanya, ada banyak yang berbeza," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika temu bual dalam penerbangan pulang dari London, kelmarin.

Abdullah ketika itu baru menamatkan lawatan enam harinya ke Washington, Paris dan London – dengan tiga peranan sekali gus selaku Perdana Menteri selain mewakili kepentingan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang dipengerusikan Malaysia.

"Apa yang menghairankan ialah di sebalik beliau selaku antara yang paling lama memegang jawatan Menteri Luar, ramai yang beranggapan Pak Lah mungkin tidak akan meneruskan peranan yang pernah dipikul oleh Dr Mahathir.

"Berlawanan dengan apa yang mereka fikirkan, Pak Lah dari awal menganggap ia adalah ketentuan baginya untuk mengambil alih bukan saja kepemimpinan negara, malah dua pertubuhan yang dianggotai sekian banyak negara.


"Daripada mula lagi, beliau melahirkan hasrat untuk memikul amanah dan tanggungjawab sebaik mungkin seperti yang diharapkan negara anggota OIC dan NAM terhadap Malaysia," katanya.

Daripada sekecil-kecil negara dalam gagasan Asean hingga yang dianggap amat berpengaruh, Abdullah tidak pun membezakan mereka dengan setiap satu dilawatnya untuk mempererat hubungan dua hala, biarpun tidak sempat bermalam di sana.

Penjelajahannya berterusan pula ke Jepun dan China, dua daripada rakan dialog Asean yang masing-masing dianggap sebagai peluang dan cabaran. Lawatannya ke Korea Selatan yang dijangka bulan depan, bakal melengkapkan pusingan ke negara serantau.




Abdullah Ahmad Badawi



George W Bush



Tony Blair



Jacques Chirac

Awal bulan ini, Pak Lah serta rombongan menghabiskan tiga hari di Arab Saudi, negara yang dianggap 'kuasa besar' dalam dunia Islam dan menjadi jambatan penghubung dengan negara Islam lain di seluruh dunia.

Dalam semua lawatan itu, kehadiran Pak Lah selaku pemimpin yang di bahunya tergalas beban amat berat, mendapat sokongan dan pengiktirafan. Malah, kepada pemimpin negara yang dilawatnya, beliau tidak pun perlu diperkenalkan.

Selain dianggap sebagai wajah yang bukan lagi asing di arena antarabangsa, stailnya yang berbeza, keramahan yang mudah mengembalikan ingatan kepadanya serta ketegasannya menegakkan pendirian di sebalik berdiplomasi, membuat semua mereka mudah mesra dengannya.

"Saya masih mengingati ketika kami pertama kali ke mesyuarat Asean+3 selepas Pak Lah mengambil alih, ramai yang tertanya-tanya tetapi semua mereka dikejutkan oleh keterbukaannya.

"Bukan saja beliau berasa amat selesa dengan isu yang perlu didepani, malah cukup bersedia untuk mendengar sebarang pandangan berbeza serta memberi hujah balas dengan cara yang tidak pun mengguris perasaan mereka," kata Syed Hamid.

Aura yang sama jugalah barangkali menambat hati Presiden George W Bush, Presiden Jacques Chirac dan Perdana Menteri Tony Blair hingga pertemuan Pak Lah dengan ketiga-tiganya melampaui tempoh masa ditetapkan.

Bersama Bush, kedua-duanya membangkitkan pelbagai perkara tanpa batas rintangan. Daripada isu Iraq yang mendorong Malaysia membangkitkan cadangan menghantar pasukan perubahan tenteranya, isu tembok dibina Israel yang memarakkan api kemarahan umat Islam serta peranan lebih berkesan yang harus dimainkan oleh Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), semua-

nya dibincangkan secara terbuka.

"Dalam pada Pak Lah nampak banyak merendah diri dalam mengemukakan isu serta pandangan OIC dan NAM, ketegasannya tetap terserlah dalam soal prinsip. Bush sendiri amat tertarik untuk berbincang hingga tidak menghiraukan tempoh setengah jam yang dihususkan.

"Kejayaan dalam perbincangan itu serta-merta tersebar hingga menjadi buah mulut di kalangan pentadbiran Bush, majlis perniagaan dan penggubal pendapat. Malah, sejurus pertemuan kedua-duanya selesai, seorang daripada pegawai Bush menyatakan ia sangat berhasil," kata Syed Hamid.

Beliau mempertahankan bahawa reaksi Bush itu tidak harus sama sekali disalahertikan sebagai Malaysia memilih untuk tunduk hingga sanggup menggadaikan soal prinsip atau mengikut telunjuk negara kuasa besar itu.

Lebih daripada itu, katanya, Presiden AS itu turut berkongsi pendapat dengan Pak Lah dalam banyak perkara, baik berkaitan perlunya keadaan dalam negara Iraq distabilkan bagi membolehkan rakyat memilih kerajaannya sendiri, mahupun penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

"Kita membangkitkan pandangan keras di mana kita tidak sekali-kali berganjak. Prinsipnya tetap sama iaitu jika kita tidak bersetuju dengannya, tiada apa-apa yang dapat mengubah pendirian kita.

"Daripada pengamatan saya, mereka (AS) melayan kita dengan penuh hormat dan ini memungkinkan mereka mendengar pandangan kita dengan lebih terbuka pada masa depan.

"Adakalanya kita perlu ingat bahawa jika kita memilih untuk bertegang leher atau kurang mesra, sebuah negara yang sangat berkuasa dan tidak pun perlu mendengar pandangan orang lain, boleh memilih untuk memekakkan telinga terhadap kita," katanya.

Apa yang menjadi perbezaan, kata Syed Hamid, ialah keramahan Pak Lah menangani keadaan hingga membolehkan apa yang ingin diperkatakannya, dapat dituturkan tanpa tentangan dan didengar hingga penghabisannya.

Sebagai perbandingan, beliau turut menyorot keadaan sebelum serangan 11 September apabila Washington lebih cenderung melihat Malaysia daripada sudut negatif, antaranya kurang mengamalkan demokrasi dan menyalahi hak asasi manusia.

Sebarang pertanyaan ketika itu untuk lawatan rasmi ditolak bulat-bulat oleh Setiausaha Negara, Colin Powell, dengan pelbagai alasan di sebalik hakikat bahawa AS adalah rakan dagang terbesar bagi Malaysia.

"Kini semua mereka mahu berbaik-

baik dengan kita. Malah, pada Pak Lah, mereka katakan beliau amat berterusterang dan ikhlas. Mereka berkata beliau bercakap daripada isi hati, tanpa berselindung, tanpa berdolak-dalik.

"Apabila Pak Lah membangkitkan isu Israel, Bush menyatakan beliau amat komited terhadap penubuhan sebuah negara Palestin di sebalik kesukaran yang ditempuhi.

"Beliau memberikan jaminan itu yang dijawab Pak Lah bahawa satu formula lebih berkesan hendaklah dicari supaya rancangan itu dapat dijayakan," katanya.

Sesudah Washington, menyusul pula Paris sebagai persinggahan berikutnya. Tidak hanya himpunan Ahli Parlimen tokoh perniagaan dan ilmuwan yang 'dipukau' Pak Lah dengan celotehnya, Chirac turut tidak terkecuali.

"Semua orang tahu betapa akrabnya Chirac dengan Dr Mahathir, antara tokoh yang dihormatinya. Bersama Pak Lah, beliau dapati ini adalah pengganti yang amat mudah mesra dalam menjamin kesinambungan keakraban kedua-dua negara.

"Perbincangan antara mereka mencakupi pelbagai perkara – daripada isu antarabangsa hingga kepada soal kepentingan bersama. Beliau amat berminat mendengar apabila Pak Lah memberikan hujahnya mengenai Iraq, jadi bukanlah Pak Lah semata-mata mendengar.

"Pandangan Malaysia sebenarnya amat konsisten, kita amat mengambil berat soal keganasan dan cara membandungnya, kita juga mengambil berat soal Iraq dan Palestin. Sampai satu ketika Chirac mengiringi Pak Lah hingga ke kereta dan terus melambai sesudah rombongan beredar," katanya.

Tidak banyak berbeza dengan Chirac, seterusnya giliran Blair pula memasang telinga apabila Perdana Menteri mengunjunginya di 10, Downing Street.

Reaksi spontannya untuk melihat sendiri kemajuan Malaysia dengan mengunjungi Kuala Lumpur merumuskan pertemuan kedua-dua pemimpin berlangsung dalam suasana penuh mesra, di samping berkongsi pendapat mengenai pelbagai perkara.

"Dalam ketiga-tiga pertemuan, tidak pun timbul keadaan di mana mereka hanya mahu kita mendengar pandangan mereka, sebaliknya mereka lebih daripada bersedia untuk kita mengutarakan pandangan sekalipun berbeza," kata Syed Hamid.

"Jika sebelumnya ramai yang bimbang dengan hubungan kita dengan negara besar, persepsi sedemikian harus kini berubah. Inilah yang perlu kita manfaatkan daripada permulaan baru, stail baru seorang pemimpin yang tidak pun perlu terikut-ikut cara orang lain."